

SIARAN SEGERA

PROGRAM KITAR3CYCLE, KITAR SEMULA ALAF BARU.

Seremban, 17 Mei 2019 – SWM Environment Sdn. Bhd (SWM Environment) menjalin kerjasama bersama-sama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi pelaksanaan program KITAR3CYCLE. Majlis Perbandaran Seremban ialah salah satu PBT yang menyertai program KITAR3CYCLE melibatkan barisan pengurusan dan warga kerjanya. Program ini telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula April 2019 kepada seluruh PBT di Negeri Sembilan dan akan melibatkan barisan pengurusan dan warga kerja PBT dalam usaha mendidik orang ramai menjadikan amalan kitar semula sebagai gaya hidup kini.

“Program KITAR3CYCLE telah mendapat sokongan penuh daripada pihak pengurusan Majlis Perbandaran Seremban dan mengalu-alukan usahasama sebegini kerana memberikan impak positif dalam melestarikan alam sekitar serta mengelakkan pembaziran sumber ke tapak pelupusan sampah,” kata Pengurus Besar Hal Ehwal Korporat SWM Environment Sdn Bhd, Tuan Haji Mohd Norlisam Bin Haji Mohd Nordin.

Selain itu, melalui usahasama ini juga pihak PBT menjadi contoh dan teladan yang baik kepada masyarakat dalam menggerakkan usaha amalan kitar semula yang bermula daripada peringkat pengurusan dan warga kerja pentadbiran sesebuah daerah di Negeri Sembilan.

Pelbagai pendekatan diambil oleh syarikat pengurusan sisa pepejal di Malaysia dalam memastikan pengurangan janaan sampah ke tapak pelupusan sampah sekaligus dapat memanjangkan tempoh hayat tapak tersebut. Melalui pemberian mata ganjaran terkumpul, kini individu atau isi rumah dapat memperoleh manfaat aktiviti kitar semula dengan program KITAR3CYCLE anjuran SWM Environment.

Program yang julung kali diperkenalkan di kawasan perkhidmatan syarikat konsesi ini juga bertujuan menyelamatkan barangan yang boleh dikitar semula daripada terus dilupuskan ke tapak pelupusan sampah terbabit. Melalui program KITAR3CYCLE setiap individu yang berjaya mendaftarkan diri sebagai ahli akan dibekalkan pelekat kod bar yang bertujuan untuk mengenal pasti data individu yang menjalankan aktiviti kitar semula dan juga merekodkan nilai mata yang diperolehi.

Dalam konteks pembangunan tetapan aplikasi yang serba canggih ini, individu yang berdaftar disarankan untuk memuat turun aplikasi KITAR3CYCLE melalui sistem operasi Android juga iOS untuk menyemak mata ganjaran selain juga dapat mengetahui nilai mata yang diperolehi setiap kali barangan kitar semula dikutip di premis perumahan mereka sekaligus memberi pendedahan kepada isi rumah terbabit tentang jumlah janaan sampah yang dihasilkan oleh mereka hanya di hujung jari.

Untuk makluman, terdapat 35 barang dengan nilai mata yang berbeza yang boleh dikumpul dan ditukarkan melalui pelbagai cara, antaranya melalui pemindahan wang ringgit ke akaun bank individu. Hasilnya melalui inisiatif ini ia dapat menggalakkan orang ramai lebih menghargai barangan kitar semula yang mampu menjana pendapatan sampingan sekaligus menjimatkan penggunaan sumber-sumber semula jadi dalam pembuatan sesuatu produk.

Bagi menyemarakkan lagi program KITAR3CYCLE, pihak SWM Environment mengalu-alukan penglibatan taman-taman perumahan lain, badan-badan kerajaan, swasta dan organisasi bukan kerajaan (NGO) untuk bersama-sama terlibat dalam program KITAR3CYCLE yang bermanfaat kepada semua. Bagi sebarang pertanyaan, boleh menghubungi Encik Daniel Sahrill Bin Abdul Hadi, Eksekutif Kanan Jabatan Komunikasi Korporat SWM Environment di talian 019-202 4525 atau emel: daniel.sahrill@swmsb.com.

-TAMAT-

FAKTA

SWM ENVIRONMENT SDN BHD

SWM Environment Sdn Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang diilantik oleh Kerajaan bagi mengendalikan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bagi Zon Selatan Semenanjung Malaysia (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor). SWM Environment memberikan perkhidmatan kepada lebih 5 juta isi rumah dengan tenaga kerja seramai kira-kira 8,000 orang dan mempunyai kenderaan serta jentera melebihi 1000 buah pelbagai jenis kegunaan. Sila layari laman web www.swm-environment.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

SEBARANG PERTANYAAN LANJUT BOLEH HUBUNGI JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT, SWM ENVIRONMENT SDN BHD:

- Pn. Nurul Liza Mohd Najib, 012-684 7168
- Pn. Siti Mariam Aziz, 017-3700204